

Isu Pendidikan Seni Visual Etnik Penan di Baram, Sarawak: Satu Tinjauan Awal

Visual Art Education in the Penan Community of Baram, Sarawak: A Preliminary Survey

Egmal Hj Adin

Mohd Zaihidee Arshad

Universiti Pendidikan Sultan Idris

zaihidee@fskik.upsi.edu.my

Abstrak

Isu pendidikan dalam masyarakat peribumi Penan di Sarawak telah menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian bagi mencari jalan penyelesaian mengatasi masalah tersebut. Kesedaran dan rasa tanggungjawab pengkaji untuk membantu etnik ini mengubah cara hidup mereka agar mampu bersaing dengan masyarakat dalam pembangunan negara. Melalui kajian rintis ini pengkaji ingin mengetahui permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah Penan. Tinjauan dilakukan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran, aktiviti yang dilakukan serta bagaimanakah bentuk hasil karya murid. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen mengenai pibumi ini. Pengkaji sebagai instrumen utama menjejaki pibumi ini di Long Jekitan, Baram. Hasil tinjauan awal mendapati kekurangan infrastruktur, bahan bantu mengajar dan guru yang terlatih dalam bidang PSV menyukarkan proses PdP dijalankan dengan berkesan. Ini antara sebab masalah ponteng dan keciciran berlaku di sekolah etnik Penan ini.

Kata Kunci Pendidikan Seni Visual (PSV), Penan, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Abstract

The problems of education in indigenous Penan communities in Sarawak have attracted researchers to find solutions. Awareness and a sense of responsibility of researchers have helped these communities to change their ways so as to compete with the other communities in society all geared up for development. This pilot study focuses on identifying the problems of teaching and learning of Visual Arts in Penan schools. This

study used the qualitative approach through interviews, observation on the students' activities and their works, as well as document analysis. Researchers study the Penan communities in Long Jekitan, Baram. The initial results found that there was a lack of infrastructure, teaching aids, and qualified teachers in the Visual Arts Education (VAE). This rendered the teaching and learning processes ineffective. This is one of the reasons why truancy and drop-outs are frequent in Penan communities.

Key Words *Visual Arts Education, Penan, Teaching and Learning*

PENGENALAN

Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengasimilasikan etnik pribumi ke dalam masyarakat arus perdana sejak tahun 1961 dan diteruskan sehingga ke hari ini. Ini bertujuan memperkenalkan mereka kepada pembangunan moden dan program pembangunan komuniti secara holistik dan bersepadu. Ini adalah satu usaha kerajaan untuk mencapai matlamat pendidikan yang berkualiti dan ke arah pendidikan untuk semua (EFA) yang diterapkan oleh UNESCO 2004. Namun sehingga sekarang, kebanyakan kaum pribumi di Malaysia masih mundur dan termasuk dalam golongan terpinggir (Abang Ismail, 2012). Aspirasi kerajaan yang menekankan peningkatan “modal insan” menjadi kritikal untuk dilaksanakan dalam kalangan masyarakat Penan terutama golongan remaja dan belia Penan.

Guru Pendidikan Seni Visual sebagai pelaksana kurikulum memainkan peranan penting dalam membangunkan pengetahuan intelektual dan menjana kecerdasan artistik bagi menghasilkan murid yang kreatif. Guru sebagai ‘role-model’ untuk murid mencetus dan menjana kebolehan artistik mereka (Rosmawati Hamzah, 2009). Kebijaksanaan guru menggunakan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan murid di sekolah pedalaman mampu menarik minat mereka seperti pengajaran berasaskan komuniti dan budaya, bahasa serta perilaku etnik itu sendiri. Kegagalan guru dalam menarik minat murid dalam pengajarannya akan mengundang kebosanan dan menyebabkan mereka rasa terpinggir terutama bagi murid yang lemah dari segi pencapaian akademik, kurang kemudahan, status ekonomi yang rendah, murid bermasalah pembelajaran dan pemulihan, berkemampuan rendah atau mempunyai masalah komunikasi dan penulisan terutamanya sekolah pedalaman Sarawak (Abang Ismail 2013).

Masalah jurang pencapaian di antara murid Penan dan murid lain merupakan satu daripada cabaran pendidikan di Malaysia. Keciciran murid Penan menjadi isu apabila ramai daripada mereka yang tamat sekolah rendah tidak menyambung pengajian mereka di sekolah menengah. Ini berkemungkinan kerana mereka kurang berminat terhadap subjek akademik di sekolah yang berbeza dengan gaya hidup dan kehidupan sosial yang mereka amalkan. Terdapat juga faktor sosio-budaya murid yang berlainan dengan persekitaran pembelajaran mungkin menjadi penghalang mereka untuk bersaing dengan murid yang lain. Walaupun kadar keciciran pelajar Penan secara puratanya tidak dapat dipastikan statistiknya di enam buah sekolah rendah etnik Penan di daerah Baram namun melalui pemerhatian pengkaji kadar pengangguran dalam kalangan remaja dan belia Penan adalah tinggi. Justeru, adalah kritikal satu kajian empirikal

mengenai minat remaja Penan dijalankan terutama melibatkan subjek PSV yang lebih menghasilkan daya kreatif sedia ada berbanding subjek lain.

Dalam kajian ini terdapat beberapa teori yang di aplikasi berasaskan pendekatan interdisiplin. Tjetjep Rohendi Rohidi (2000) menyatakan bahawa dalam kajian seni terhadap masyarakat dan kebudayaan yang pelbagai, sikap keterbukaan dalam melibatkan pelbagai disiplin ilmu sangat diperlukan. Pendekatan interdisiplin ini adalah sebuah pendekatan yang menggunakan kesatuan sistem penjelasan yang terdiri dari konsep-konsep yang sesuai daripada pelbagai bidang ilmu pengetahuan untuk memahami dan menjelaskan sebuah masalah yang bersifat kompleks terutama dalam kajian seni (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000). Konsep-konsep yang digunakan secara pelaksanaan untuk menjelaskan dan memahami fenomena. Kolb (1988) menyatakan bahawa kanak-kanak belajar melalui pengalaman dan menggunakan deria sentuhan (tangan), dan suasana sekeliling adalah penting dalam pembelajaran. Model ini mungkin menepati gaya pembelajaran kanak-kanak Penan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengenal pasti permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah Penan.
- b) Mengetahui punca keciciran murid-murid Penan dalam alam persekolahan.
- c) Mengenal pasti program-program yang dijalankan oleh KPM dalam membantu murid-murid Penan.
- d) Mengetahui minat dan kebolehan murid-murid Penan dalam bidang subjek PSV

Permasalahan Pribumi Penan

Kajian mengenai pendidikan Penan mula mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik yang berminat untuk merungkai segala permasalahan yang melanda mereka sejak Projek Penempatan Peribumi Penan bermula tahun 1996-1998. Permasalahan ini sedikit sebanyak mencatatkan peluang mereka untuk menikmati segala kemajuan yang mereka idamkan walaupun agak sukar untuk ditafsirkan. Antara masalah yang melanda pelajar Penan sehingga kini adalah:

1. Masalah Pendidikan

Pelbagai masalah yang timbul di sekolah Penan sejak sekian lama termasuk masalah keciciran murid, masalah ponteng dan tahap pendidikan yang sangat rendah (PPD Baram, 2014). Disebabkan faktor jauh di pedalaman, keupayaan sekolah dan etnik Penan di Baram menerima dan menggunakan kemudahan seperti di bandar adalah sesuatu yang sukar, terutama dalam PdP yang melibatkan teknologi. Ini dibuktikan dengan pencapaian peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di sekolah etnik Penan ini masih ditahap yang kurang memberangsangkan berbanding sekolah-sekolah yang berada di bandar dan luar bandar.

Jadual 1.1 Peratus keputusan UPSR murid Penan Jan-Mei 2010-2014 di Baram

Bil	Sekolah	2010	2011	2012	2013	2014
1	Sk Long Jekitan	0%	0%	0%	9.5%	10.34%
2	Sk Long Lamei	9.09%	25%	26.70%	47.83%	50%
3	Sk Long Kevok	21.43%	57.14%	46.15%	15.79%	31.25%
4	Sk Long Luteng	18.18%	14.29%	13.64%	7.14%	29.93%
5	Sk Long Sait	7.69%	0%	0%	6.25%	0%
6	Sk Long Pelutan	100%	100%	100%	63.64%	50%

Sumber: Laporan Enrolmen PPD Baram, Mac 2014

Kekurangan ini berkemungkinan disebabkan oleh suasana pembelajaran oleh guru di sekolah tidak menepati minat dan sosio-budaya masyarakat Penan. Satu kajian perlu dijalankan untuk menentukan minat vokasional dan aspirasi kanak-kanak serta remaja Penan di kawasan penempatan mereka. Pengkaji merasakan subjek PSV mampu menarik minat murid untuk datang ke sekolah jika aktiviti yang dirancangkan bersesuaian dengan aktiviti seharian mereka di rumah atau semasa aktiviti memburu bersama keluarga. Data-data dari kajian ini penting untuk memberi input kepada pihak berwajib untuk menyediakan pendidikan dan latihan yang sesuai untuk kanak-kanak dan remaja Penan. Adalah diharapkan, dalam jangka masa panjang, kualiti kehidupan kaum Penan di Sarawak ini akan bertambah baik.

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning theory*) oleh Kolb. Kolb (1988) menyatakan bahawa kanak-kanak belajar melalui pengalaman dan menggunakan deria sentuhan (tangan). Suasana sekeliling penting dalam pembelajaran. Model ini mungkin menepati gaya pembelajaran kanak-kanak Penan di dalam penempatan mereka sendiri yang masih jauh dari arus pembangunan.

2. Masalah Kemiskinan

Kebanyakan ibu bapa atau penjaga pelajar Penan hanya berkerja sebagai pemburu, buruh dan petani. Mereka tidak memiliki pekerjaan yang tetap apatah lagi berkhidmat dengan sektor kerajaan atau swasta. Tiada pendapatan tetap telah menyukarkan murid Penan untuk hadir ke sekolah. Walaupun banyak bantuan telah disalurkan oleh pihak kerajaan bagi membantu peribumi Penan seperti Kumpulan Wang Anak Pelajar Miskin (KWAPM), e-Kasih, Kelas Dewasa Asli Penan (KEDAP) namun tidak memberi impak kepada perubahan pelajar Penan. Mereka terus jauh ketinggalan dalam arus pendidikan.

Masalah kemiskinan yang melanda peribumi Penan ini seharusnya tidak timbul memandangkan banyak peluang pekerjaan yang mampu mereka usahakan di persekitaran penempatan mereka seperti ladang kelapa sawit, kilang pemprosesan papan dan aktiviti pembalakan. Peluang pekerjaan seumpama ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan budaya kealpaan dan sentiasa mengharapkan bantuan dan

simpati dari pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang lain. Mereka lebih berminat untuk bekerja sendiri seperti memburu, mengambil hasil hutan, membubu ikan dan menanam padi.

3. Kekurangan Guru Berkelayakan

Kekurangan guru yang berkelayakan dalam bidang Pendidikan Seni Visual di sekolah etnik Penan menyebabkan subjek ini dianggap sama seperti subjek-subjek lain. Kajian Hamdan Mohd Ali (2002) dan Chua Yan Piaw *et al.* (2003) mendapati kekurangan guru terlatih dalam bidang ini merupakan satu faktor menjadikan pengajaran dan pembelajaran kurang kreatif dan tumpuan guru juga berbeza dalam mengajar mata pelajaran ini. Tanggungjawab guru PSV sangat besar dalam mencungkil potensi kreatif murid melalui PdP dalam bilik darjah (George Tamaki & Sabariah Sharif, 2014) terutama murid-murid Penan yang kurang fokus dengan subjek lain. Jika masalah ini berterusan maka ia akan membantutkan minat murid untuk datang ke sekolah dan bakat yang ada pada mereka tidak dapat dicungkil sepenuhnya. Masalah keciciran murid Penan di sekolah kemungkinan disebabkan oleh suasana pembelajaran di sekolah tidak menepati minat belajar dan juga pengaruh sosio-budaya masyarakat Penan yang masih menebal dalam kalangan murid itu sendiri.

4. Tiada *Role Model* yang Boleh Dicontohi

Role Model yang dimaksudkan ini adalah kejayaan yang telah dicapai oleh seseorang individu untuk dijadikan contoh dan teladan kepada individu yang lain. Dalam hal ini, sejak anak-anak Penan mula menerima sistem pendidikan, tiada seorangpun anak-anak Penan di kawasan ini yang berjaya sehingga ke peringkat pengajian yang tinggi. Jika adapun telah lama menamatkan pengajiannya iaitu Encik Ezra Uda anak jati Penan di Long Lamei yang menjawat jawatan di Unit Kawalan Penguatkuasa negeri Sarawak. Sejak kini, dua orang pelajar Penan sahaja yang menjawat jawatan sebagai Pembantu Am Pejabat (PAP) iaitu Kusang Niboy dan Jackson Ukit. Syukur kerana mereka telah diberi peluang walaupun menjawat jawatan kurang sesuai dengan kelulusan akademik yang mereka perolehi.

Satu *roadshow* telah dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dengan kerjasama IPG Kampus Batu Lintang, Kuching dengan slogan “Angai Ulai Jadi Cegu” pada Mac 2010 bertujuan memberi peluang anak-anak Penan menceburi bidang profesion perguruan. Dalam temu duga terbuka pada Mei 2010 telah mengenalpasti sepuluh pelajar Penan yang berkelayakan mengikuti program tersebut namun gagal diperakui kerana tidak memiliki dokumen yang sah. Penyelidik cuba menasihati mereka agar memohon semula tahun berikutnya dengan syarat sudah memiliki kad pengenalan sebagai syarat utama.

Program Kementerian Pelajaran Malaysia

Pelbagai program dirancang dan dilaksanakan bertujuan untuk mempertingkatkan mutu pendidikan sekolah-sekolah pribumi yang dikendalikan oleh KPM. Program

tersebut merangkumi Projek Model Pensiangan-Salinatan (PMPS), Program Sekolah Angkat Orang Asli (PSAOA), Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M), Kurikulum Asli Penan (KAP) dan Program Kelas Dewasa Asli Penan (KEDAP).

a) Projek Model Pensiangan Salinatan (PMPS)

PMPS adalah gagasan yang telah diperkenalkan oleh Allahyarham Tan Sri Abdul Rafie bin Mahat dan Datuk Razali Ismail, Mantan Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia. Ia adalah satu usaha ke arah mencapai matlamat merapatkan jurang antara sekolah bandar dengan luar bandar. Ia dilaksanakan bermula pada tahun 2003 bagi mencapai objektif berikut:

- i. Meningkatkan pengetahuan guru dalam bidang yang diajar.
- ii. Meningkatkan kemahiran guru dalam mengendalikan pedagogi pribumi mengikut konteks setempat.
- iii. Memupuk jati diri guru ke arah budaya kerja cemerlang.

b) Program Sekolah Angkat Orang Asli (PSAOA)

Program ini dilancarkan pada 27 Jun 2006. Ia melibatkan 27 buah IPG dan 54 buah sekolah Orang Asli/Pribumi melalui bimbingan berterusan dan Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) yang dikendalikan oleh Institut Pendidikan Guru (IPG). Tujuan program ini adalah sama seperti PMPS iaitu berfokus kepada Sekolah Orang Asli, Sekolah Pedalaman dan Sekolah Pulau yang mempunyai bilangan murid yang ramai menghadapi masalah tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis.

c) Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M)

Program ini bertujuan untuk menangani masalah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam kalangan murid Tahun 1 Bahasa Melayu. Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) telah dipertanggungjawabkan bagi perlaksanaannya. Objektif program ini adalah murid akhirnya dapat:

- i. Menguasai kemahiran asas membaca dan menulis pada akhir tahun
- ii. Mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap kebolehan diri sendiri,
- iii. Meningkatkan keyakinan diri dan berminat untuk belajar.

d) Kurikulum Asli Penan (KAP)

Kurikulum Asli Penan (KAP) bertujuan untuk menangani beberapa isu pendidikan yang terdapat di sekolah Asli dan Penan. Tiga elemen penting yang menjadi asas dalam usaha menangani isu pendidikan di sekolah Asli dan Penan ialah Kurikulum Asli dan Penan (KAP), Pedagogi Pribumi, Penglibatan ibu bapa/komuniti.

e) Program Kelas Asli dan Penan (KEDAP)

Program ini bermula pada 1 Mac 2008 bertujuan untuk membantu ibu bapa membaca supaya boleh membantu dan mendorong pembelajaran anak-anak di rumah. BPG diminta melaksanakan kursus induksi kepada guru-guru yang dilantik untuk mengendalikannya. Antara bidang yang diberi penekanan ialah:

- i. Kurikulum (4 jam)
- ii. Kaedah PdP orang dewasa (Andragogi - 4 jam)
- iii. Konsep pemulihan (4 jam)
- iv. Ilmu bimbingan dan kaunseling (8 jam)
- v. Sosio budaya Orang Asli dan Penan (4 jam)

KESIMPULAN

Kebijaksanaan dan diperlukan dalam menangani masalah penduduk etnik Penan ini untuk mengelak masalah yang sama berulang kembali. Justeru, pihak-pihak yang berwajib dan bertanggungjawab membantu dalam kapasiti mereka dan bersedia memberikan bantuan dengan penuh keikhlasan. Pelbagai pandangan dan cadangan ditujahkan untuk membantu peribumi ini, namun tindakan dan jalan penyelesaian belum menampakkan impaknya. Kita tidak mahu masalah peribumi Penan ini disensasikan semata-mata untuk kepentingan golongan tertentu. Sebagai rakyat yang prihatin, kita diajak untuk membuat banyak refleksi akan perancangan kita dan keberhasilan pelaksanaan sesuai dengan Gagasan 1Malaysia; Rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan.

RUJUKAN

- Abang Ismail Abang Julhi. (2010). *Angai ulai jadi cegu*. Kertas cadangan promosi pendidikan mari jadi cikgu. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abang Ismail Abang Julhi. (2007). Ujian kecergasan fizikal: Sejauh manakah pelaksanaannya di Sekolah Menengah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga*. Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 631- 638.
- Egmal Adin & Mohd Zaihidee Arshad. (2014). Model pengajaran kreatif guru Pendidikan Seni Visual bagi sekolah Orang Penan di Sarawak. *Prosiding Seminar Antarabangsa Indonesia-Malaysia*. Universiti Lanchang Kuning, Riau, Indonesia.
- Henry Usat Bit. (2010). Impian untuk masyarakat Penan dalam konteks daerah Belaga. Koleksi Rentetan Pejabat Pelajaran Daerah Belaga Pendidikan Penan.
- PMPS. (2002). Projek Modul Pensiangan Salinatan. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Merin Uma Minggu. Temu bual dengan Ketua Rumah Panjang Penan Talun, Sungai Asap pada Mac 2010.